

Kesesuaian tanah di sekitar Selangor sebagai bahan pelapik semulajadi

NURITA RIDWAN, W.Z.W. YAACOB, ABDUL RAHIM SAMSUDIN & B.K. TAN
Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Dalam kajian ini, sifat fizik dan sifat kimia tanah digunakan bagi mengenalpasti kesesuaian tanah untuk dijadikan bahan pelapik semulajadi dengan mengambil enam jenis tanah berdekatan dengan tapak pelupusan sisa pepejal di sekitar Selangor. Hasil kajian menunjukkan tanah lempung lautan dari kawasan Sg. Besar di Kuala Selangor (SBMC) dan tanah metasedimen dari kawasan Kg. Hang Tuah di Batang Berjuntai (HMS) mempunyai potensi yang paling baik untuk dijadikan bahan pelapik semulajadi berbanding tanah kuarzit terluluhawa dari Ayer Hitam, Puchong (PMS), tanah aluvium sungai dari Sg. Sedu, Hulu Langat (SRA), tanah aluvium sungai dari Ampar Tenang, Sepang (ARA) dan metasedimen dari Sg. Kembong, Hulu Langat (KMS). Kesesuaian tanah tersebut boleh disusun seperti berikut: SBMC > HMS > PMS > SRA > ARA > KMS.